

# 'Jejak Balestier' singkap sejarah

Empat pelajar Sekolah Menengah Balestier Hill jelajah kawasan Balestier dengan kerjasama Lembaga Warisan Negara bagi cungkil kesan sejarah

►NUR FADHILAH SALLEH  
nfsalleh@sph.com.sg

DI satu sudut di Boon Teck Road, terdapat sebuah kios air yang menyediakan air minum percuma untuk orang ramai.

Khidmat itu telah berterusan sejak berzaman, ketika air bersih susah didapati.

Ia adalah antara beberapa peninggalan sejarah yang ditemui empat pelajar Sekolah Menengah Balestier Hill (BHSS) apabila mereka menjelajah 'Jejak Balestier' untuk menyusuri warisan kawasan Balestier dan mencungkil kisah sejarah di sebalik bangunan dan tempat yang menjadi daya tarikan di situ.


Empat pelajar itu ialah Siti Nur Farzana Faizui, Ameer Abbas Ameer Arrafath, Muhammad Haziq Abdul Aziz dan Nurul Hannah Shah Halid.

Mereka – kesemuanya pelajar menengah tiga berumur 15 tahun – menyusuri 'Jejak Balestier' itu pada 17 Februari lalu dalam satu projek dengan kerjasama Lembaga Warisan Negara (NHB).

Pelajar itu juga dikehendaki menterjemahkan kepada bahasa Melayu penjelasan sejarah tempat yang menjadi tarikan di 'Jejak Balestier' yang mereka pilih.

Guru Bahasa Melayu BHSS, Cik Massuniza Ismail, 31 tahun, berkata projek itu adalah peluang baik untuk pelajar belajar di luar kelas serta mengasah penguasaan bahasa melalui terjemahan yang mereka hasilkan.

"Memandangkan sekolah kami di Balestier Hill, 'Jejak Balestier' ini



SUSURI WARISAN PROFILEMAN MELAYU DI JALAN AMPAS: Pelajar Sekolah Menengah Balestier Hill (dari kiri) Ameer Abbas, Muhammad Haziq, Nurul Hannah dan Siti Nur Farzana serta guru mereka, Cik Massuniza (bertudung), dan kontraktor landskap bekas studio Malay Film Productions (MFP), Haji Musa Ahmad, mendengar penjelasan penjaga bangunan itu, Encik Jumahat Abu Bakar (bertopi hitam), menceritakan sejarah profileman Melayu di Jalan Ampas. – Foto-foto TAUFIK A. KADER



TINGGALKAN PESANAN: Nurul Hannah menulis pesanannya di buku pengunjung bekas studio Malay Film Productions (MFP) sambil diperhatikan (dari kanan) pemandu 'Jejak Balestier', Cik Belinda Mock, Cik Massuniza dan pelajar Siti Nur Farzana.



SEJARAH DI SEBALIK BARANG ANTIK: Kontraktor landskap bekas studio Malay Film Productions (MFP), Haji Musa Ahmad, menjelaskan penggunaan barang antik yang menghiasi sekitaran studio itu kepada para pelajar Sekolah Menengah Balestier Hill, (dari kiri) Muhammad Haziq, Ameer Abbas, Nurul Hannah, dan Siti Nur Farzana serta guru mereka, Cik Massuniza.

disediakan di situ untuk pekerja bumi, penarik beca dan pemandu kereta lembu yang lalu di jalan itu.

Khidmat itu diteruskan hingga sekarang oleh sebuah pertubuhan amal, Thong Teck Sian Tong Lian Sia Sia, yang terletak tidak jauh dari situ.

"Warisan itu diteruskan dan sesaja sahaja yang hendak berhati boleh mengambil air dari situ. Sebelum ini, saya tidak tahu tentang sejarah di sebalik kios air ini," ujar Siti Nur Farzana.

Tempat di 'Jejak Balestier' yang membuat mereka paling teruja ialah bangunan beralamat 8, Jalan Ampas – bekas studio Malay Film Productions (MFP) milik pertubuhan Shaw yang mengabadikan sejarah dunia profileman Melayu hitam putih yang menghiburkan penonton hingga hari ini.

Di sana, mereka belajar tentang kegemilangan industri profileman Melayu zaman dahulu melalui gambar-gambar serta barang-barang antik yang menghiasi sekitaran studio itu.

"Sungguh mengagumkan apabila menyingkap semula bagaimana generasi perintis berusaha dalam bidang profileman. Nilai hiburan yang wujud mewujud baslikun dahulu

dapat merentasi masa walaupun teknologi dahulu tidak secanggih kini," kata Ameer Abbas.

Ja membuat Muhammad Haziq teringat Allahyarham P. Ramlee.

"Setiap kali bercakap tentang lajar perak, pasti filem P. Ramlee akan disebut. Saya harap lebih ramai lagi akan mendapat tahu tentang pencapaian P. Ramlee dan sumbangannya kepada profileman Melayu dan permulaan di Jalan Ampas," katanya.

Warisan lain yang mereka pelajari ialah ukiran pada deretan rumah kedai di sekitar simpang Balestier Road dan Jalan Kemaman.

Setiap ukiran itu menceritakan tentang warisan kaya kawasan itu.

Terletak di persimpangan Balestier Road dan Jalan Kemaman, deretan rumah kedai tradisional itu dibangunkan oleh Cik Sim Cheng Neo pada 1928 dan dipulihkan semula pada 2000.

"Saya paling tertarik pada ukiran di bangunan Peranakan kerana terdapat makna di sebaliknya. Saya pernah melalui jalan ini sebelum ini tetapi tidak tahu sejarah di sebaliknya."

"Saya harap melalui usaha kami, lebih ramai lagi akan tahu mengenai asal usul daerah Balestier ini," kata Nurul Hannah.